

MEMBINA PROFIL PELAJAR BERISIKO : SATU KAJIAN KES TERHADAP  
PELAJAR KURSUS SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN  
VOKASIONAL DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

AHMAD HASMUDIN B. AHMAD AZZUDIN

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Institut Teknologi Tun Hussein Onn  
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER, 2001

Teristimewa untuk :

Mak, Nenek, Jaja, Zura, Zaidin, Zafudin, Mira, Atik, Hanif dan Hafiq yang sentiasa mengiringi perjuanganku dengan kalungan doa juga sahabat, rakan dan kawan seperjuangan, pensyarah dan guru serta semua yang sudi menabur jasa kepadaku.

Semoga segala jasa, budi, bakti dan pengorbanan kalian diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah kurnia-Nya dapat jua saya menyiapkan kajian kes ini sebagaimana perancangan dengan jayanya.

Saya merakamkan penghargaan ikhlas dan terima kasih kepada penyelia kajian kes, PM Dr. Zulkifli Mohamed kerana telah membantu saya menyiapkan kajian kes ini. Segala tunjuk ajar, teguran dan ilmu yang diberikan amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Semoga Allah S.W.T memberikan limpah kerahmatan dan ganjaran yang setimpal ke atas jasa dan budi berkenaan.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penilai kajian kes, Dr. Jailani Mohd Yunos kerana cadangan dan tunjuk ajar yang bernas untuk memantapkan lagi kajian kes ini, juga ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Yusuf Jamar di atas kerjasama beliau mengedarkan soal selidik kepada responden. Terima kasih juga dirakamkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional 2001/2002 yang sudi menjadi responden dalam kajian ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang memberikan sokongan dan membantu menjayakan kajian kes ini.

## ABSTRAK

Lazimnya kegagalan pelajar-pelajar yang berisiko hanya dapat diputuskan apabila mereka menduduki sesuatu peperiksaan di akhir semester atau kursus. Justeru itu perlu adanya satu sistem yang dapat mengesan kelemahan-kelemahan pelajar tersebut. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan sebagai satu indikator untuk mengenal pasti samada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional berisiko atau pun tidak. Pengenalan pelajar-pelajar berisiko dilakukan berdasarkan kepada keputusan peperiksaan SPM mereka yang ditumpukan kepada empat matapelajaran iaitu Bahasa Inggeris, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia. Keputusan menunjukkan lebih daripada separuh pelajar-pelajar tersebut berisiko tinggi dalam keempat-empat matapelajaran. Namun demikian pengajaran dan penilaian pensyarah tidak memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar-pelajar tersebut. Begitu juga dengan sikap, daya usaha dan hasrat pelajar-pelajar tidak meletakkan mereka dalam kelompok pelajar berisiko. Akan tetapi satu aspek yang boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar-pelajar ini adalah dari aspek kemudahan prasarana yang disediakan yang didapati tidak memuaskan. Berlainan pula dengan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar ini iaitu gaya pergerakan yang diadaptasi daripada model pembelajaran Barsch. Gaya pembelajaran mereka ini hanya akan meletakkan mereka sebagai berisiko sekiranya gaya pengajaran pensyarah adalah tidak selari dengan amalan pembelajaran pelajar-pelajar ini.

## ABSTRACT

Usually, the failure for those students at risk can only be ascertained when they have taken certain examinations at the end of the semester or course. In this regard, a system is needed in order to determine these students' weaknesses. For that, this study is conducted as an indicator for determining whether the Bachelor's Degree in Technical and Vocational students are at risk or not. Those students at risk can be recognized by their SPM results based on only to four subjects which are English, Additional Mathematics, Physics and Chemistry. The results show that more than half of the total students are highly at risk in all four subjects. But, the teaching and assessment of the lecturers are not one of the determining factors in affecting the academic performance of the students. In fact, the students behaviour, effort and aspiration are also not affecting their performance. However, the facilities provided are not satisfactory based on the opinion of the students. It is another contributing factor in affecting the education of the student. The learning style is developed based on Barsch learning model. The learning style practised by the students is kinesthetic or tactile. This type of learning style can only putting them at risk if the teaching style of the lecturers are not in accordance with the learning style of the student.



## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan Penyelidikan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Soalan Kajian	4
	1.5 Tujuan Penyelidikan	4
	1.6 Kerangka Teori	5
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Skop Kajian	6
	1.9 Definisi Istilah	7
	1.9.1 Gaya Pembelajaran	7

1.9.2	Guru atau Pendidik	8
1.9.3	Kerjaya	8
1.9.4	Minat	9
1.9.5	Pelajar	9
1.9.6	Pelajar Berisiko	9
1.9.7	Persepsi	10
1.9.8	Profesion	11

## **BAB II      SOROTAN PENULISAN** 12

2.1	Pengenalan	12
2.2	Faktor-faktor Mempengaruhi Kecemerlangan Akademik	13
2.2.1	Minat dan Sikap	13
2.2.2	Pengaruh Rakan Sebaya dan Gejala Ponteng	14
2.2.3	Latar Belakang Keluarga	15
2.2.4	Penglibatan Dalam Ko-kurikulum	16
2.3	Pelajar SMPTV	17
2.4	Sifat Dan Kualiti Guru	17
2.5	Persepsi Terhadap Profesion Perguruan	19
2.6	Faktor-faktor Mendorong Memilih Kerjaya Perguruan	21
2.7	Gaya Pembelajaran	24
2.7.1	Gaya Pembelajaran Barsch	24
2.7.1.1	Gaya Penglihatan	24
2.7.1.2	Gaya Pendengaran	25
2.7.1.3	Gaya Pergerakan	25
2.7.2	Gaya Pembelajaran Honey dan Murnford	26
2.7.2.1	Gaya Aktivis	26
2.7.2.2	Gaya Reflektor	27
2.7.2.3	Gaya Teoris	27

2.7.2.4 Gaya Pragmatis	27
2.7.3 Pilihan Gaya Pembelajaran	27

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	28
----------------	--------------------------------	----

3.1	Reka Bentuk Kajian	28
3.2	Responden / Sumber Data	29
3.3	Instrumen Kajian	29
3.3.1	Borang Soal Selidik	30
3.3.2	Pengesahan Kandungan Soal Selidik	39
3.4	Kajian Rintis	40
3.5	Analisis Data	40
3.6	Batasan Kajian	41
3.7	Andaian	41

<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA KAJIAN</b>	42
---------------	-----------------------------	----

4.1	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen	42
4.2	Teknik Pengumpulan dan Pemprosesan Data	43
4.3	Analisis Bahagian A	44
4.3.1	Analisis Latar Belakang Responden	45
4.3.2	Keputusan SPM	45
4.4	Analisis Bahagian B	49
4.4.1	Analisis Dimensi Pengajaran	49
4.4.2	Analisis Dimensi Harapan Untuk Cemerlang	51
4.5	Analisis Bahagian C	53
4.5.1	Analisis Dimensi Perlakuan dan Hasrat	53
4.5.2	Analisis Dimensi Kemudahan Pembelajaran	55
4.5.3	Analisis Dimensi Gaya Pembelajaran	58



<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	62
5.2.1	Latar Belakang Pelajar	62
5.2.2	Tahap Risiko Berdasarkan Matapelajaran	63
5.2.3	Perbandingan Pencapaian SPM Pelajar Melayu dan Bukan Melayu	65
5.2.4	Tahap Risiko Dimensi Pengajaran	65
5.2.5	Tahap Risiko Dimensi Perlakuan dan Hasrat	66
5.2.6	Tahap Risiko Dimensi Kemudahan Pembelajaran	67
5.2.7	Perbincangan Untuk Dimensi Harapan Untuk Cemerlang	67
5.2.8	Perbincangan Gaya Pembelajaran	68
5.3	Rumusan Kajian	69
5.4	Cadangan Kajian	71
	<b>SENARAI DOKUMEN RUJUKAN</b>	74
	<b>LAMPIRAN A – B</b>	79 - 89



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Dimensi latar belakang	32
3.2	Dimensi pengajaran	33
3.3	Dimensi harapan untuk cemerlang	34
3.4	Dimensi perlakuan dan hasrat	35
3.5	Dimensi kemudahan pembelajaran	36
3.6	Dimensi gaya pembelajaran	37
4.1	Jantina dan kawasan sekolah pelajar mengikut bangsa	45
4.2	Pengkategorian tahap risiko dalam setiap matapelajaran mengikut keputusan SPM responden (N = 51)	46
4.3	Nilai min untuk setiap item dalam dimensi pengajaran (N = 51)	50
4.4	Nilai min untuk setiap item dalam dimensi harapan untuk cemerlang (N =51)	52
4.5	Jumlah kekerapan untuk dimensi perlakuan dan hasrat	54
4.6	Jumlah kekerapan untuk dimensi kemudahan pembelajaran	56
4.7	Jumlah kekerapan untuk dimensi gaya pembelajaran	59

### SENARAI SINGKATAN

IPTA	-	Institut pengajian tinggi awam
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
LAN	-	Lembaga Akreditasi Negara
SMPTV	-	Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Contoh borang soal selidik	79
B	Contoh jadual kurikulum	86



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**PENGENALAN PENYELIDIKAN**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENGENALAN PENYELIDIKAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sebagaimana institusi-institusi pengajian tinggi yang lain, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) amat prihatin terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajarnya. Tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar KUiTTHO ini boleh ditingkatkan dengan terlebih dahulu melakukan pengkajian terhadap prestasi mereka.

Kajian ini dilakukan untuk membina profil pelajar-pelajar yang berisiko yang difokuskan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Melalui kajian ini, ia boleh memberikan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap mereka yang berisiko ini. Melalui maklumat yang akan diperolehi, bantuan serta panduan boleh diberikan terhadap mereka.

Pengkajian ini penting dilakukan terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional ini kerana apabila mereka telah menamatkan pengajian nanti mereka akan memegang satu tanggungjawab yang sungguh besar iaitu mendidik. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang guru yang baik dan berdedikasi seharusnya bakal-bakal guru tersebut menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap institusi pengajian tinggi yang ternama akan cuba sebaik mungkin untuk mendapatkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik sebelum diterima masuk ke dalam institusi pengajian mereka. Sekiranyaambilan tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus matrikulasi maka seharusnya pelajar-pelajar tersebut mencapai keputusan yang cemerlang dalam kursus persediaan tersebut. Jikaambilan terus daripada SPM maka keputusan peperiksaan SPM tersebut mestilah cemerlang.

Setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan kursus-kursus yang secara lazimnya telah diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) atau pun daripada badan-badan profesional yang lain. Ini bererti kursus-kursus yang ditawarkan mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi. Setiap IPTA berusaha untuk mengendalikan kursus-kursus sebaik yang mungkin melalui pengambilan tenaga-tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. Dari semasa ke semasa pensyarah akan menjalani program-program peningkatan ikhtisas untuk menjamin mutu pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Dari pernyataan di atas seharusnya kursus yang ditawarkan oleh IPTA dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti tanpa mengira kaum dan kuantiti.

Namun demikian, akhir-akhir ini dunia pendidikan dikejutkan kembali oleh media massa melalui laporan-laporannya yang menunjukkan bahawa kualiti dan juga bilangan pelajar-pelajar bumiputera yang mencapai kecemerlangan dalam akademik adalah sangat rendah. Ini bererti pelajar-pelajar bumiputera yang diseiraskan dengan kumpulan pelajar-pelajar Melayu khususnya berada pada tahap yang berisiko tinggi untuk gagal mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Lazimnya kegagalan pelajar-pelajar bumiputera atau kita katakan pelajar-pelajar berisiko ini hanya dapat diputuskan apabila mereka menduduki sesuatu peperiksaan di akhir semester atau kursus. Justeru itu perlu adanya satu sistem yang dapat mengesan kelemahan-kelemahan pelajar ini agar mereka dapat terkeluar dari golongan berisiko. Oleh itu sebelum satu sistem dapat dirangkakan dan dilaksanakan, adalah perlu satu indikator

atau pengesan dirancang agar potensi pelajar-pelajar yang berisiko dapat dikurangkan atau dihindarkan.

Kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional (SMPTV) adalah merupakan satu kursus baru yang ditawarkan di KUiTTHO. Kursus ini adalah bertujuan untuk menghasilkan calon-calon pendidik di pelbagai bidang kejuruteraan samada di peringkat menengah atau pun politeknik. Sebagai calon pendidik mereka perlulah dilatih sehingga mampu menjadi pelajar yang cemerlang dan akhirnya menjadi pendidik yang berdedikasi, berwawasan dan berhemat tinggi.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah IPT yang baru, pelbagai cabaran dihadapi oleh KUiTTHO. Di antara cabaran yang paling kritikal pada ketika ini adalah bersabit dengan tugas serta tanggungjawab IPT dalam melahirkan pelajar-pelajar Melayu atau bumiputera khususnya yang cemerlang. Persoalannya di sini mampukah KUiTTHO menangani masalah ini secara berkesan? Apakah rancangan-rancangan yang perlu dirancang dan dilaksanakan?



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH



#### 1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian yang berikut diharap dapat dijawab melalui kajian ini.

- (a) Adakah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional tergolong daripada pelajar-pelajar yang berisiko?
- (b) Sekiranya pelajar-pelajar SMPTV berisiko, pada tahap manakah mereka berada?
- (c) Aspek berisiko manakah yang paling berpengaruh?
- (d) Apakah persepsi pelajar-pelajar terhadap pencapaian akademik mereka dan dalam pembinaan kerjaya sebagai pendidik?


#### 1.5 Tujuan Penyelidikan

Kajian ini mempunyai empat tujuan utama iaitu:

- (a) Untuk mengenal pasti samada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional tergolong daripada pelajar-pelajar yang berisiko.
- (b) Untuk mengetahui pada tahap berisiko yang mana sekiranya pelajar-pelajar SMPTV tergolong dalam kumpulan pelajar berisiko.
- (c) Untuk mengetahui aspek berisiko mana yang paling mempengaruhi pelajar-pelajar.
- (d) Untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar terhadap pencapaian akademik mereka dan dalam pembinaan kerjaya sebagai pendidik.

Melalui empat tujuan penyelidikan yang disenaraikan di atas satu profil pelajar yang berisiko dapat dibina dan diharap bantuan akan dapat diberikan kepada mereka yang berisiko ini.

## 1.6 Kerangka Teori



### 1.7 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membina satu profil pelajar berisiko juga untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang tergolong dalam kelompok berisiko, khususnya bagi pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional .

Diharapkan melalui kajian ini akan dapat menyedarkan dan memberikan panduan kepada pihak pendidik di KUiTTHO tentang perlunya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya di dalam membantu pelajar-pelajar yang berisiko ini. Ianya adalah untuk memastikan pelajar-pelajar yang dikenal pasti sebagai berisiko berjaya menamatkan pengajian mereka dan akhirnya menjadi pendidik yang cemerlang dan berjaya.

### 1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO. Segala data dan maklumat adalah didapati daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden .



## 1.9 Definisi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang telah digunakan untuk menerangkan dengan lebih lanjut terhadap kajian yang telah dijalankan. Di bawah ini disenaraikan beberapa istilah yang digunakan.

### 1.9.1 Gaya Pembelajaran

Terdapat banyak jenis gaya pembelajaran yang telah diberikan oleh ramai ahli akademik di antaranya ialah gaya pembelajaran Honey dan Murnford, Myers-Briggs, Kolb Paragon Hermann dan banyak lagi. Namun demikian, bagi tujuan kajian kes ini, definisi yang diberikan adalah diadaptasikan daripada gaya pembelajaran Barsch.

Setiap individu itu menurut Barsch mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Beliau telah membahagikan gaya pembelajaran kepada tiga kategori iaitu:

- (i) *Gaya penglihatan* – seseorang pelajar itu akan dapat belajar dengan lebih berkesan dengan menggunakan deria penglihatannya seperti melihat carta, video dan sebagainya.
- (ii) *Gaya pendengaran* – pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran jenis ini akan lebih berjaya belajar menggunakan deria pendengarannya seperti mendengar syarahan, pita rakaman dan lain-lain.
- (iii) *Gaya pergerakan* – pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran jenis ini perlu membuat pergerakan untuk belajar seperti membuat nota, menulis fakta dan lain-lain.

### 1.9.2 Guru atau Pendidik

Menurut Kamus Dewan (1997), guru adalah orang yang mengajar atau pendidik, pengajar atau pengasuh. Manakala perguruan pula bererti perkara-perkara yang berkaitan dengan guru. Menurut “Tatasusila Profesion Perguruan Malaysia,” guru bermaksud orang yang menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi termasuk tenaga pelatih yang bertugas dalam pentadbiran organisasi dan penyeliaan pendidikan.

Menurut Wan Mohd Zahid (1988) pula, guru bererti perkara-perkara pendidik, pengajar atau pengasuh. Manakala perguruan bererti perkara-perkara yang berkaitan dengan guru. Noran Fauziah dan Ahmad Mahdzan (1990) berpendapat guru adalah golongan manusia yang memberi kesan besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap manusia.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, guru adalah mereka yang telah tamat pengajian dalam bidang perguruan dan ditauliahkan Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan, Ijazah Pendidikan atau Sarjana Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

### 1.9.3 Kerjaya

Kerjaya didefinisikan oleh Kamus Dewan (1997) sebagai profesion atau pun pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Dalam kajian ini kerjaya yang dimaksudkan adalah guru di mana ia merupakan bidang pekerjaan yang akan diceburi oleh para pelajar lepasan SMPTV di KUiTTHO setelah tamat pengajian kelak.

#### 1.9.4 Minat

Minat didefinisikan sebagai kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objek. Minat wujud apabila individu sedar tentang kecenderungan terhadap objek itu (Rohany, 1981).

Strong (1964) pula mengatakan minat wujud apabila seseorang itu suka pada sesuatu objek itu dan bersedia untuk menunjukkan reaksi terhadapnya. Sebaliknya ia tidak suka pada sesuatu objek itu apabila ia tidak mempedulikan langsung objek itu.

#### 1.9.5 Pelajar

Nor Azizah (1991) menyatakan pelajar merupakan orang yang memperdalamkan pengetahuannya dalam sesuatu bidang. Pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihal pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa daripada atau di sesebuah institusi pendidikan. Di dalam kajian ini, pelajar adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus SMPTV di KUITTHO.

#### 1.9.6 Pelajar Berisiko

Dalam kajian ini, pelajar berisiko diberikan takrifan sebagai pelajar yang gagal untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Pelajar yang berisiko ini dikenalpasti berdasarkan kepada keputusan peperiksaan SPM yang hanya diberikan tumpuan terhadap matapelajaran-matapelajaran seperti berikut:

- (a) Bahasa Inggeris;
- (b) Matematik Tambahan;
- (c) Fizik;
- (d) Kimia.

Berdasarkan kepada ke empat-empat matapelajaran tersebut, pelajar yang berisiko di kategorikan kepada tiga kumpulan iaitu:

- (a) Berisiko tinggi – C5 – F9;
- (b) Berisiko sederhana – B3 – B4;
- (c) Tiada risiko – A1 – A2.

Pelajar yang berisiko tinggi tergolong kepada mereka yang mendapat gred C5 hingga F9 dalam mana-mana satu atau lebih matapelajaran. Pelajar yang berisiko rendah adalah tergolong kepada mereka yang mendapat gred B3 hingga B4 untuk keempat-empat matapelajaran yang disebutkan di atas. Pelajar yang tiada berisiko terdiri daripada mereka yang mendapat gred A1 hingga A2 dalam kesemua empat mata pelajaran yang disebutkan di atas.

Rasional pemilihan ke empat-empat matapelajaran tersebut kerana pelajar-pelajar yang mengikuti kursus SMPTV perlu mengambil matapelajaran-matapelajaran tersebut di tahun pertama pengajian. Matapelajaran Bahasa Inggeris adalah amat penting dikuasai oleh pelajar kerana kebanyakan buku-buku rujukan ditulis dalam Bahasa Inggeris. Sementara pelajar perlu juga mempunyai latar belakang yang kukuh dalam Matematik kerana matapelajaran-matapelajaran yang akan diikuti oleh mereka di sepanjang tempoh pengajian adalah berkaitan dengan matapelajaran-matapelajaran teknikal.

### 1.9.7 Persepsi

Menurut Kamus Dewan (1997), persepsi membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran seterusnya persepsi akan membentuk tanggapan. Pembentukan tanggapan terhadap sesuatu perkara sama ada ianya benar atau sebaliknya bergantung kepada persepsi terhadap perkara tersebut.

Pentafsiran seseorang yang sedang mengamati sesuatu bergantung kepada pengalaman-pengalaman lampaunya dan proses persepsi ini bukanlah semata-mata sesuatu proses yang pasif. Oleh yang demikian persepsi berkemungkinan terdiri dari aspek-aspek gerak balas yang sepadan untuk bertindak. Secara ringkasnya persepsi bererti meneliti dengan menggunakan penglihatan, pendengaran dan anggota deria yang lain dengan tujuan memahami apa yang diteliti.

#### 1.9.8 Profesion

Menurut Kamus Dewan (1997), profesion ialah pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi dan latihan khas. Oleh itu, adalah jelas bahawa kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu pekerjaan itu merupakan profesion atau bukan ialah sama ada ia memerlukan pendidikan tinggi dan latihan khas. Sekiranya jawapannya 'ya', maka pekerjaan itu ialah satu profesion (Ee, 1998).



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

Catatan: Kandungan rancangan penyelidikan ini disusun berasaskan beberapa sumber rujukan penting. Sumber utama disenaraikan di bawah:

Abdul Rahim Abdul Rashid (1997). "Pengurusan Bilik Darjah." Utusan Malaysia, 4 Jun, hal. 6.

Ahmad Zaidi Johari (1990). "Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Tingkah Laku Belajar Mutu Pelajaran Ekonomi Tingkatan Dua." Tidak diterbitkan : Disertasi Sarjana UKM.

Azizah Nordin (1991). "Ko-kurikulum dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh." Bahagian Pendidikan Guru. Jabatan Pendidikan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim. Johor Bharu.

Babbie, E. R. (1990). "Survey Research Methods." Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.

Barsch, J. dan Haynie, N. A. (2001). "Learning Style Inventory and Sensory Modality Checklist." <http://www.hcc.hawaii.edu/intranet/committees/FacDevcom/guideble/teachtip/learnstyl.htm>.

Borg, W. R. dan Gall, M. D. (1983). "Educational Research: An Introduction." 4th. ed. USA: Longman.

- Busrah Haji Maulah (1998). "Persediaan Menghadapi Peperiksaan." Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.
- Chua Phek Geok (1979). "Pemilihan Bidang Perguruan Sebagai Kerjaya Bagi Guru-guru Perempuan di Sekolah Menengah di Bandar Melaka." Tidak diterbitkan: Kajian Kes UKM.
- Cooper, D. R. dan Shindler, P. S. (1998). "Business Research Methods." 6th. ed. Singapore: Irwin McGraw-Hill.
- David, G. (1997). "Education: Equalising Opportunities Education Today." 47. 3-6.
- Duke, D. L. (1990). "Teaching : An Introduction." Singapore: McGraw-Hill.
- Ee Ah Meng (1996). "Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1996). "Psikologi Pendidikan 1 : Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1998). "Pendidikan di Malaysia II (Semester V)." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ellis, A. K., Cogan, J. J. dan Howey, K. R. (1991). "Introduction to the Foundations of Education." Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Evans, K. M. (1952). "A Study of Attitude Towards teaching as a Career." *British Journal of Education Psychology*. 22. 63-69.
- Faris Ismail (1999). "Pelajar Melayu Lemah di Universiti." Al-Islam, Januari.
- Harold K. dan Heinz W. (1991). "Pengurusan." Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, McGraw-Hill.

- Hersholt, C. W. dan Young, L.H. (1996). "Motivation and Learning Environment Differences in Inner City Middle School Student." *The Journal of Educational Research*. **90**. 93-100.
- Kamarudin Khalid (1992). "Suatu Tinjauan Tentang Kelemahan Pelajar-pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Sesi 91/92 Dalam Mata Pelajaran Matematik di UTM." Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek.
- Khairani Yaakub (2000). "Gaya Pembelajaran Pelajar di ITTHO, Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Semester Satu, Tahun Satu, Sesi 1998/1999, Kursus Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal." Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.
- McInerney, D. M. (1994). "Educational Psychology : Constructing Learning." Sydney: Prentice Hall.
- Mercy, E. C. (1996). "The Relationship Between Teacher Characteristics, Learning Environment and Student Achievement and Attitude." *Studies in Education Evaluation*. **20**. 263-274.
- Moffatt, C. W. dan Moffatt, T. L. (2000). "How to Get a Teaching Job." Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Mohamad Shafie Isa (1997). "Motives for Choosing a Teaching Profession at the Malaysia Polytechnics as a Career: A Case Study of the First Semester Students in the Masters in Education Programme at ITTHO, Batu Pahat, Johor." Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.
- Mohamed Nor Che Noh (1985). "Kaedah Penilaian Ko-kurikulum." Seminar Kebangsaan Mengenai Ko-kurikulum. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan." Selangor: Thinkers Library.

- Muhammad Fauzi Mokhtar (1997). "Why didi Students at ITTHO Choose Teaching As Their Future Profession?" Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.
- Nik Zainun Nik Man (1988). "Motif Memilih Profesion Perguruan Sebagai Kerjaya: Kajian Kes Guru-guru Pelatih Program sains Pendidikan UKM." Tidak diterbitkan: Kajian Kes UKM.
- Nooman, R. D. (1976). "School Resources, Social Class and Students Achievement." Sweden : Almgrist and Wiksell International.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahzdzan Ayob (1990). "Guru dan Perguruan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azizah Salleh (1991). "Kepuasan Bekerja dan Keperluan Profesional Guru-guru Lepasan Maktab dan Implikasinya kepada Pendidikan Lanjutan." *Jurnal PendidikanUKM*. 16. 85-94.
- Norhasslim Razali (1999). "Kajian Kemerosotan Akademik Pelajar Melayu Kejuruteraan Elektrik ITTHO." Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.
- Parkay, F. W. dan Stanford, B. H. (1988). "Becoming a Teacher." 4th. ed. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Rohaiza Ismail (1999). "Fenomena Cukup Makan." Dewan Masyarakat, Ogos.
- Rohany Nasir (1981). "Minat dan Proses Perkembangan Kerjaya: Implikasi Terhadap Bimbingan Kerjaya." Kertas Kerja dibentangkan di Seminar ke-2, Psikologi dan Masyarakat. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosita Ignatius Beatty (1989). "Sikap Mahasiswa dan Mahasiswi Sabah di UKM, Bangi, Selangor terhadap Profesion Perguruan: Satu Tinjauan." Tidak diterbitkan: Kajian Kes UKM.

- Rumaya, J. (1988). "Kajian Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa ke Atas Pencapaian Akademik Remaja." Universiti Pertanian Malaysia: Laporan Projek Tahun Akhir.
- Salbiah Ismail (1989). "Kajian Mengenai Kesan Pencapaian Terhadap Sikap-sikap Terhadap Sesuatu Mutu Pelajaran, Sekolah dan Diri Sendiri." Tidak diterbitkan: Disertasi Sarjana UKM.
- Singh, Jasbir (1980). "Ethnicity, Class and Development Malaysia." Kuala Lumpur : Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Siti Rodziah Muhammad Saad (1982). "Beberapa Faktor yang Mempengaruhi Ketegangan Serta Kesaannya ke Atas Guru-guru Pelatih." Tidak diterbitkan: Kajian Kes UKM.
- Strong, E. K. (1964). "Vocational of Men and women." Palo Alto: Stanford University Press.
- Viranee Intachat (2000). "An Assessment of the Teaching and Learning Styles of Lecturers and Students in Physics (BSF 1124) Education at the Institut Teknologi Tun Hussein Onn." Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.
- Wan Hamzah Wan Daud (1985). "Hubungan Motivasi dan Faktor-faktor Demografi Dengan Sikap Terhadap Keguruan di Kalangan Guru-guru Pelatih." Tidak diterbitkan: Kajian Kes UKM.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1988). "Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara." Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM. Universiti Pertanian Malaysia.
- Zulkiple Chedin (1997). "A Case Study of Teacher Attitude Towards Teaching Profession in Kubang Pasu District." Tidak diterbitkan: Kajian Kes ITTHO.